

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

28. Nyatakan "timeline" untuk menggantikan tangki air dan lif-lif di PPR Padang Tembak.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Kesemua lif yang sedang beroperasi di Padang Tembak masih berada berada dalam keadaan yang memuaskan di mana pemeriksaan teknikal akan dijalankan pada setiap 15 bulan sekali oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP). Memandangkan usia lif-lif ini adalah agak lama serta penggunaan yang amat tinggi pada setiap hari, terdapat beberapa peralatan *wear and tear* yang seringkali perlu ditukar.

Memandangkan kos menukar baharu lif yang amat tinggi, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan telah berjaya mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi menaiktaraf 6 unit lif di Padang Tembak iaitu di Blok E dan J melalui peruntukan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP 2020) sebanyak RM1,620,000.00. Kerja-kerja menaiktaraf ini dijangka dapat dijalankan sepenuhnya pada bulan Jun tahun ini dan diselesaikan sepenuhnya pada akhir November kelak.

Bagi penyelenggaraan tangki air pula, pada masa ini tiada keperluan untuk menukar ganti tangki-tangki tersebut tetapi kerja-kerja penyelenggaraan pam dan *switch board* telah dilaksanakan secara berkala bagi memastikan operasi pam-pam ini berada pada tahap yang optimum.